

Pengurusan Organisasi Budaya: Sejarah Pengurusan Organisasi Muzium

Zuraidah Hassan¹, dan Nuraisyah Binti Mohd Radzi²

¹Universiti Melaka

²Universiti Utara Malaysia

ABSTRAK

Muzium dalam pengertian sejarahnya adalah institusi yang bertujuan untuk mengumpul, memelihara, mempamer, menyelidik, mendidik dan mentafsir warisan kebudayaan manusia dan alam persekitarannya. Ia bertindak sebagai tempat tinggal untuk artifak budaya yang ditemui dan menceritakan pelbagai kronologi cerita dan membawa persejarahan negara yang sangat bermakna. Kajian ini adalah menelusuri sejarah mengenai pengurusan organisasi budaya iaitu Jabatan Muzium Malaysia dan juga Muzium Negara. Kedua-dua institusi ini dipilih kerana melibatkan kronologi pensejarahan yang sama. Sebagai sebuah organisasi budaya, muzium ini dilihat paling aktif dalam menjalankan fungsi dan menerima jumlah pengunjung yang tinggi kerana merupakan muzium utama dan lokasi yang strategik iaitu di Kuala Lumpur. Kaedah kajian adalah menggunakan analisis dokumen. Data diperoleh melalui laporan data agregat tahunan dan data tahunan, dokumen, surat dan kertas laporan, kertas seminar, syarahan, serta buku-buku terbitan dalam dan luar negara. Dapatan menemui pensejarahan Jabatan Muzium Malaysia dan Muzium Negara adalah sangat panjang. Rentetan sejarah pembinaan muzium adalah bermula di Perak iaitu oleh Sir Hugh Low yang merupakan Presiden Perak ketika itu (1886) yang mencadangkan untuk membina sebuah muzium. Rentetan itu menyebabkan berlakunya perkembangan muzium di Selangor. Perkembangan ini sejajar dengan peralihan pentadbiran negara ke Kuala Lumpur. Perwujudan Muzium Negara dan Jabatan Muzium Malaysia dilihat telah menjelaskan peranan yang lebih baik terutama melibatkan pengurusan organisasi budaya yang lebih jelas dan teratur. Artifak budaya yang semakin bertambah dengan adanya kegiatan arkeologi yang aktif di peringkat Jabatan Warisan Negara yang telah menyumbangkan kepelbagaian artifak. Artifak ditemui bukan sahaja memaparkan ilmu kepandaian masyarakat awal tetapi juga telah menaikkan semangat jati diri masyarakat Malaysia.

Kata kunci: Pengurusan, organisasi budaya, Muzium, sejarah

PENDAHULUAN

Warisan budaya merupakan pola-pola kehidupan kemanusiaan dalam konteks pencernaan tamadun, sama ada pola budaya ketara mahupun tidak ketara. Warisan budaya dihasilkan oleh perjalanan hidup manusia dan diwariskan dari zaman ke zaman atau dari generasi ke generasi. Ia juga menjadi citra dan jati diri sesuatu bangsa merangkumi segala bentuk ragam seni bina, tata hias, ukiran pelbagai motif pada pakaian, bangunan, ilustrasi pada sesuatu cetakan serta sebagai penjelmaan warisan budaya ketara. Ia juga boleh dijelmakan melalui warisan budaya tidak ketara seperti budi bahasa, budi pekerti, tingkah laku, falsafah, pemikiran dan kreativiti

Malaysia merupakan sebuah negara yang membangun dalam pelbagai aspek termasuk dalam bidang budaya dan warisan. Budaya dan warisan merupakan alternatif kejayaan kepada negara. Hal ini kerana kedua-duanya merupakan pemangkin pertumbuhan ekonomi khususnya dalam bidang pelancongan. Dalam masa yang sama, warisan turut memiliki kepentingan dalam aspek pendidikan. Ia bukan sahaja memaparkan bayangan sejarah bahkan kewujudannya juga memberi pelbagai pendidikan kepada masyarakat. Salah satu institusi yang berperanan sebagai wadah

pendidikan mengenai warisan adalah muzium. Sebagaimana yang diketahui muzium merupakan organisasi yang sudah bertapak sejak 1886 (Hugh Low) dan mampu berdiri teguh di Malaysia. Perkembangan yang dilalui ini memberi peluang kepada muzium untuk mengubah fungsi dan peranan ke arah yang lebih saling melengkapi sejajar dengan tuntutan masyarakat pada masa kini. Secara umumnya, peranan muzium di Malaysia tertumpu kepada perkembangan dua aspek utama. Pertama, dalam aspek pendidikan dan kedua, dalam aspek pelancongan. Namun fokus kajian ini adalah terhadap peranannya yang pertama iaitu dalam aspek pendidikan.

Mutakhir ini telah wujud gesaan yang kuat supaya budaya bangsa dipupuk dan diperkembangkan dalam kalangan generasi muda khasnya dan masyarakat umumnya. Pelbagai pihak sama ada di dalam mahupun di luar bidang budaya harus berperanan menjayakan hasrat ini supaya rasa keperihatinan yang mendalam terhadap nilai sejarah bangsa sama ada dalam bentuk fizikal mahupun spiritual mampu dilahirkan. Dalam konteks ini, muzium dilihat sebagai institusi pembinaan minda yang unggul dan mampu membawa agenda kesedaran terhadap budaya bangsa melalui aktivitinya terutama melalui pameran. Muzium boleh menjadi *role model* kepada sistem pendidikan luar dan terbuka kepada masyarakat pelbagai peringkat. Menjelang alaf baru ini muzium seharusnya lahir dengan lebih berketerampilan dalam memperbaiki imejnya pada mata masyarakat melalui pendekatan penyampaian aktiviti atau program yang lebih menekankan teknologi dan mesra masyarakat tanpa meninggalkan elemen emosi dan rohani para pengunjungnya (Dzulfawati 1999).

Menurut Nik Abdul Rashid (1999), Allah SWT telah menciptakan dunia ini beribu juta tahun yang silam dan dimasukkan ke dalamnya ribuan jenis sumber yang canggih untuk kegunaan manusia seluruhnya. Dengan itu dunia ini boleh dikatakan sebagai sebuah muzium yang besar. Menurutnya lagi buku panduan yang paling berharga sekali ialah Al-Quran. Sepertimana firman Allah SWT dalam surah Al-Kahfi, ayat 109 yang bermaksud:

Kalaulah kiranya lautan itu menjadi tinta untuk menulis kalimah Tuhanku (ilmu dan hikmah, dan kemurahan Tuhan), nescaya lautan itu menjadi kering sebelum habis perkataan Tuhanku dituliskan. Biar pun kami datangkan sebanyak itu pula sebagai tambahan kepadanya.

METODOLOGI

Kajian ini adalah menggunakan kaedah kualitatif iaitu menggunakan kajian dokumen. Data diperoleh melalui laporan data agregat tahunan dan data tahunan, dokumen, surat dan kertas laporan, kertas seminar, syarahan, serta buku-buku terbitan dalam dan luar negara. Sejarah disusun mengikut kronologi.

SKOP

Terdapat lima prinsip dalam pendekatan pengurusan, iaitu perancangan, pengorganisasian, kepimpinan, penstafan atau tenaga kerja dan kawalan, namun kajian ini memfokuskan pengurusan organisasi budaya dari sudut pensejarahan permuziuman di Malaysia iaitu sejarah pembangunan Jabatan Muzium Malaysia dan Muzium Negara. Kedua organisasi dipilih kerana sejarah pembinaannya melalui proses perjalanan yang sama.

PENGURUSAN ORGANISASI BUDAYA

Secara umumnya pengurusan adalah sebuah proses perancangan memelihara persekitaran dengan melibatkan individu yang bekerja dalam kumpulan sehingga mencapai perancangannya (Harold Koontz dan Heinz Weihrich 1997). Pengurusan adalah suatu proses merancang, mengorganisasi, memimpin dan mengawal kerja-kerja yang dilakukan oleh ahli-ahli dalam sebuah organisasi dan penggunaan sumber-sumber dalam organisasi berkenaan bagi mencapai objektif dan sasaran yang telah ditetapkan untuk organisasi tersebut (Ahmad Amran, 2002). Rahim Abdullah (1998) juga menterjemahkan pengurusan melibatkan aktiviti yang dilakukan bersama-sama mengikut jawatan, merancang, mengorganisasi, memimpin dan mengawal serta penglibatan anggota dalam memastikan matlamat yang dirancang tercapai. Organisasi pula adalah satu unit sosial yang mengandungi individu yang bekerjasama dan saling bergantung antara satu sama lain bagi mencapai matlamat setiap individu itu dan organisasinya. Pengorganisasian pula diterjemahkan sebagai cara bagaimana sesebuah organisasi itu mencapai matlamat dan menentukan pernaam dan tugas yang perlu dipatuhi oleh pekerja organisasi tersebut (Jaafar Muhamad 1999). Pengurusan organisasi adalah mempunyai kepimpinan tertinggi sehingga ke bawah. Sesebuah organisasi yang dibina mempunyai identiti sendiri, memiliki hierarki, terdapat pembahagian kerja dan yang paling penting mempunyai peraturan, dasar, prosedur dan sistem hubungan bagi menjalankan aktiviti organisasi. Dalam proses perancangan ada beberapa peringkat iaitu menetapkan matlamat dan merangka strategi (Mohamad Mokhtar 2022).

Budaya ialah satu cara hidup, idea, adat dan seni yang dihasilkan oleh sesuatu masyarakat (Anwar 2008; Azhar Mad Aros 2001). Budaya terdiri dari budaya ketara dan tidak ketara. Warisan budaya tidak ketara ialah sesuatu yang tidak nyata atau tidak nampak atau merupakan ilmu dan kepakaran yang ditafsir melalui bahasa, sastera, kepercayaan, adat resam dan sebagainya. Contohnya acara perayaan, ritual dan kepercayaan, seni persembahan, seni tampak, seni perubatan tradisional, sukan dan permainan tradisional. Senarai warisan budaya ketara ialah tapak warisan budaya, bandar atau kota bersejarah, lanskap budaya, tapak suci semulajadi, warisan budaya mudah alih, muzium, warisan budaya dalam air, kraftangan, warisan dokumentari dan digital, serta warisan sinematografi. Senarai warisan budaya tidak ketara ialah tradisi lisan, bahasa, acara perayaan, ritual & kepercayaan, muzik dan lagu, seni persembahan, perubatan tradisional, sastera, tradisi makanan dan sukan dan permainan tradisional. Warisan budaya dihasilkan oleh perjalanan hidup manusia dan diwariskan dari zaman ke zaman atau dari generasi ke generasi. Ia juga menjadi citra dan jati diri sesuatu bangsa merangkumi segala bentuk ragam seni bina, tata hias, ukiran pelbagai motif pada pakaian, bangunan, ilustrasi pada sesuatu cetakan serta sebagai penjelmaan warisan budaya ketara. Ia juga boleh dijelmakan melalui warisan budaya tidak ketara seperti budi bahasa, budi pekerti, tingkah laku, falsafah, pemikiran dan kreativiti.

Organisasi budaya bermaksud organisasi berteraskan elemen budaya sama ada budaya ketara atau tidak ketara. Organisasi budaya yang popular adalah seperti muzium. Kepentingan muzium dapat dilihat dengan tumbuhnya pelbagai jenis muzium di Malaysia sama ada muzium persekutuan, muzium negeri dan muzium swasta. Kepelbagaian tersebut membuktikan keperihatinan pihak kerajaan terhadap budaya dan warisan. Terdapat kira-kira 128 muzium dan galeri umum di seluruh negara di bawah Jabatan Muzium Malaysia (JMM) dan kerajaan negeri dengan bilangan terbanyak di Kuala Lumpur, Melaka dan Kedah. Hal ini juga jelas apabila terdapat pelbagai inisiatif yang diberikan oleh kerajaan dalam meningkatkan perkhidmatan muzium terutama dalam bentuk peruntukan kewangan. Peranan muzium yang semakin penting telah menyebabkan kerajaan memperuntukkan perbelanjaan yang tinggi. Peningkatan ini dapat dilihat pada tahun 1977 lagi ketika kerajaan telah memberi peruntukan tambahan sebanyak 37.9% dari tahun sebelumnya¹. Hal ini menjelaskan bidang muzium ini telah banyak memberi

¹ Jabatan Muzium, 1977. Kertas turus bagi belanja mengurus dan pembangunan.

manfaat sehingga kerajaan sentiasa memandang berat terhadap kehendak dan keperluan muzium dalam memainkan peranannya.

Terdapat pelbagai definisi yang diberikan oleh ICOM (International Council of Museums) namun, definisi yang diambil ialah yang sebagaimana terdapat perhimpunan Umum kali ke-20 di Barcelona pada tahun 2001 seperti di bawah:

..A non profit making, permanent institution in the service of society and of its development, and open to the public, which acquires, conserves, researches, communicates, and exhibit for purposes of study, education and enjoyment, material evidence of people and their environment..

Definisi tersebut diterjemahkan sebagai sebuah institusi yang tidak mengaut keuntungan, tetapi lebih diberi penekanan sebagai pusat atau institusi yang tetap untuk memberi khidmat nasihat kepada orang ramai sebagai tempat mencari dan mendapat ilmu pengetahuan menerusi proses penyelidikan dan kajian, dengan cara menyebarkan dan mempamer, di samping menyimpan dan memelihara bahan-bahan khazanah sejarah dan warisan budaya sesebuah negara, dan menekankan tujuan pengkajian melalui pendidikan dan pameran yang boleh dimanfaatkan dan menyeronokkan, dan terus bertindak sebagai bahan-bahan bukti manusia dan alam persekitarannya.

Definisi yang diberikan oleh UNESCO ialah muzium ialah sebarang perkarangan, bangunan atau tanah atau sebahagian daripada perkarangan bangunan atau sebarang tempat yang digunakan bagi menjalankan kegiatan pemeliharaan, pameran dan penyelidikan ke atas sebarang objek, bangunan atau binaan lain yang menggambarkan perkembangan sejarah dalam bidang pengetahuan manusia, atau berkenaan dengan sebarang perkara termasuk benda purba, kemahiran serta industri, samada secara am atau khusus yang berhubung dengan sebarang daerah atau zaman yang dipersembahkan kepada masyarakat umum, sama ada dikenakan bayaran atau percuma.

Muzium disimpulkan sebagai sebuah institusi yang bersifat tetap, tidak mencari keuntungan, mengumpul, mendokumentasi, memelihara, mempamer, menyelidik dan menginterpretasi dan mendidik masyarakat mengenai bukti material manusia dan persekitarannya serta ilmu berhubung dengan bahan-bahan artifak sejarah, objek bernilai dan lain-lain material yang bermakna kepada kebudayaan, kesenian dan warisan negara bagi tujuan dinikmati dan dipelajari oleh orang ramai.

SEJARAH PENGURUSAN ORGANISASI JABATAN MUZIUM MALAYSIA (JMM) DAN MUZIUM NEGARA

Konsep yang mula diperkenalkan dalam kewujudan muzium mungkin bermula dari pengumpulan barang oleh orang kaya bertujuan untuk dinikmati semata-mata² (Mustafa Kamal 1979). Hal ini mungkin kerana pada masa dahulu sejumlah besar rakyat adalah buta huruf. Jadi, mereka tidak dapat membaca buku-buku teks yang sedia ada. Keadaan ini memberi kesedaran akan penggunaan alat pandang dengar untuk kegunaan pelajaran dan ini telah memberi pengakuan kepada kebenaran bahawa muzium adalah sebaik-baik alat untuk memberikan pelajaran jenis tersebut.³ Jadi Muzium adalah untuk memberi perkhidmatan dan pendidikan

² Penikmatan di sini bermaksud untuk melihat-lihat objek yang dipamerkan yang lain dari yang lain dan objek yang tidak pernah di lihat.

³ Mohd Zulkifli bin Haji Abdul Aziz, penubuhan muzium-muzium negeri di Semenanjung Malaysia, kertas projek untuk institusi pentadbiran Awam Negara Malaysia. Hal..6.

kepada masyarakat yang mana dengan tujuan yang sama muzium akan terus kekal dan berfungsi.⁴

Antara tujuan muzium ditubuhkan di Malaysia juga adalah sebagai agen untuk meninggikan kebudayaan negara supaya hasil pengumpulan oleh pihak muzium dapat dipamerkan untuk tatapan orang ramai. Keadaan ini diterangkan dalam dasar kerajaan pada zaman dahulu lagi iaitu ketika Kementerian Penerangan Komunikasi dan kebudayaan dikenali sebagai , kementerian Kebudayaan, Belia dan sukan. Petikan tersebut ialah:

..National Museum Which specialist in history, archeology was a section under the Ministry of Culture, Youth and Sports for many years. The museum is now implaced under the ministry of Local Government and Environtment which also has the National Archives and Administrative structure...⁵

Perkara yang sama yang boleh dilihat dalam belanjawan 1976.⁶ Dalam belanjawan ini, turut dinyatakan mengenai tujuan penubuhan muzium iaitu untuk:

- a) Kekayaan warisan kebudayaan traditional, menyelamat, melindungi harta kebudayaan.
- b) Berfungsi untuk memberi pelajaran kepada orang dewasa yang ingin tahu kebudayaan dan sejarah tanah air, kanak-kanak sekolah supaya sedar sejarah tanah air, menanam semangat kebangsaan dan hormat pada negara.
- c) Memberi kemudahan penyelidikan untuk penuntut pelajaran tinggi dan pertubuhan-pertubuhan lain.
- d) Muzium bergerak ditujukan untuk penduduk luar bandar
- e) Implementasi undang-undang antiquties of treasure from Ordinance no 14/1957 supaya barang yang hendak dieksport ke luar negara.
- f) Sebagai punca ekonomi untuk menarik pelancong.

Kewujudan muzium di Tanah Melayu atau kini Malaysia merupakan idea awal Sir Hugh Low, iaitu seorang ahli botani Inggeris yang pernah berkhidmat di Borneo di bawah pemerintahan Raja Charles Brooke selama lebih kurang 29 tahun.⁷ Beliau dilantik menjadi Presiden Perak(ketika itu) bagi menggantikan J.W.W Birch yang mati dibunuh di Pasir Salak.⁸ Dengan pengalaman dan pengetahuan yang luas tentang masyarakat Melayu High Low berjaya memulihkan kekalutan di perak dan membangunkan sosio budayanya. Hal ini menyebabkan Sweetenham mengatakan:

.... Sir Hugh Low's appoitment in 1897 and his succesful management of Perak affairs at a critical time. It would be difficult to overstate the value of his twelve year work. He arrive when Perak was a overwhelmed by a heavy debt, with no visible resourse to meet it. He left the state with the floursing revenue(over two million of Dollars) and a credit balance of 1500,000....⁹

Disebabkan oleh pembangunan tersebut serta minat yang mendalam dalam bidang *horti-cultur*, antropologi dan arkeologi,¹⁰ Low berpendapat sudah tiba masanya Tanah Melayu khususnya Perak mempunyai sebuah muzium sepertimana di Eropah. Tujuan utama adalah untuk menyimpan dan memelihara khazanah Alam Melayu. Ini kerana aktiviti permuziuman dapat

⁴ Museum vol. Xxv no ½. 1973. Quarter iv review. UNESCO: Paris.

⁵ Ismail Zain, Cultural Planing and General Development in Malaysia, kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Malaysia. Paper prepared for a seminar on Cultural Planing in Asia, Taheran. 23-27 Feb 1976.

⁶ Jabatan Muzium anggaran belanjawan bagi tahun 1976.

⁷ The journal of Sir Hugh Low, Perak, 1877. JMBRAS, vol 27, Pt 1954. Hal 7- 9

⁸ Khoo Kay Kim.1981. Taiping Ibu Kota Perak. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia. Hal 8.

⁹ FA Sweetenham. 1908. British Malaya:an Account of two origin ang progress of British Malaya Influence In Malaya London: J. Lane. Hal 252.

¹⁰Keluarga yang mempunyai minat mendalam terhadap bidang Horticulture. Sebelum berkhidmat di tanah Melayu beliau pernah ke Borneo kerana mengikuti program Botanical Tour. Apa yang menarik Hugh Low juga adalah orang Eropah pertama mendaki gunung Kinabalu pada tahun 1851(lihat Emily Sadka Ed., the Journal Of Sir Hugh Low, hal 7-9). Disamping itu sepanjang perkhidmatannya di Borneo, Hugh Low telah menghasilkan banyak penulisan tentang flora dan fauna dan Masyarakat (lihat Hugh Low: 1968).

menjelaskan atau menggambarkan secara menyeluruh tentang segala yang berlaku di Alam Melayu sama ada dari segi alam semulajadinya mahupun hal-hal yang bersangkutan dengan masyarakatnya. Dengan itu pada tahun 1883, kerja-kerja membina sebuah bangunan muzium yang kekal telah dimulakan. Rekabentuk bangunan dicipta oleh seorang arkitek yang didatangkan khas dari England dan menghasilkan sebuah bangunan yang memuaskan. Proses pembinaan muzium ini mengambil masa lebih kurang 3 tahun kerana dibina secara berperingkat.¹¹ Hanya menjelang pada tahun 1886 bangunan ini lengkap siap dibina, namun masih belum boleh diduduki sepenuhnya. Pada penghujung tahun 1886 muzium tersebut telah dibuka untuk orang ramai. Perkembangan pesat Muzium Perak telah membawa kepada terbentuknya satu rancangan untuk membina sebuah bangunan muzium yang baru serta lebih besar bertempat di Kuala Lumpur.¹² Ia penting untuk menampung pertambahan koleksi-koleksi muzium.

Pada tahun 1899, Muzium Selangor telah ditubuhkan dan lengkap dengan koleksi artifak. Muzium ini terletak di Kuala Lumpur dan siap sepenuhnya pada tahun 1907. Pada tahun 1910, muzium Perak dan Muzium Selangor bergabung untuk membentuk Muzium Persukutuan Malaysia yang dikelolakan sepenuhnya oleh Persatuan Jabatan Muzium Negeri Malaya (*Federated Malay States Museum Department*). Walau bagaimanapun pada tahun 1932 persatuan ini berpecah kerana dasar desentralisasi (pengagihan kuasa) yang dikuatkuasakan oleh pihak Inggeris. Selepas itu, muzium tersebut kembali menjadi muzium negeri.

Setelah mendapat pengagihan kewangan daripada kerajaan, pihak muzium telah mula mengadakan program penyelidikan dan penerokaan. Hasil program tersebut telah dimuatkan dalam Jurnal Jabatan Muzium seperti Jebat. Penerbitan jurnal ini terhenti pada tahun 1939 akibat berlakunya peperangan namun pada tahun 1964, penerbitan yang diterbitkan dan dicetak dalam bentuk monograf telah dijual di kedai muzium.

Kejadian malapetaka telah menimpa Muzium Selangor pada hari Sabtu, 10 Mac 1945 apabila bahagian timur (east wings) telah musnah dan rosak teruk kerana terkena bom yang digugurkan dengan tidak sengaja oleh kapal pejuang tentera berikat Amerika B 29 yang ada dasarnya adalah untuk mengebom keretapi pengangkut barang kepunyaan tentera Jepun yang terdapat pada landasaan keretapi bersebelahan dengan bangunan Muzium. Muzium tersebut mengalami kerosakan teruk dan sebahagian besar artifak dan koleksi berharga yang lain juga telah mengalami kerosakan dan musnah.

Akibat terkena bom, kerja-kerja menyelamatkan bahan-bahan koleksi muzium telah dibuat untuk memelihara bahan-bahan koleksi daripada terus musnah dan rosak. Kerja-kerja menyelamatkan telah dibuat oleh pegawai-pegawai muzium dan hampir 50 orang kakitangan kerajaan dari Jabatan Kerajaan dan kakitangan muzium terlibat dengan pemindahan bahan-bahan koleksi ke Sekolah Convent Bukit Nanas. Akibat malapetaka itu, Kuala Lumpur tidak mempunyai muzium untuk dilawati dan dikunjungi lagi oleh orang ramai dari tahun 1945 hingga 1952.

Ekoran dari peristiwa itu, perbincangan mengenai pembinaan semula bangunan muzium baru mula dijalankan semenjak tahun 1947. Perbincangan ini melibatkan pengarah muzium dan arkitek-arkitek. Wang peruntukan sebanyak RM1000000 diperlukan. Namun akibat keadaan darurat hanya muzium sementara sahaja yang dapat dibangunkan.¹³ Pada tahun 1953 Kerajaan British berusaha untuk membina bangunan muzium sementara untuk menggantikan bangunan Muzium Selangor yang rosak teruk tersebut. Sir General Gerald Water Templer, Pesuruhjaya Tinggi Polis ke Malaya waktu itu, telah diberi tugas dan tanggungjawab memelihara muzium dan membina bangunan sementara muzium tersebut. Muzium sementara tersebut berukuran 20 kaki tinggi, 60 kaki panjang dan 30 kaki lebar telah dibina di atas tapak bekas bangunan Muzium

¹¹ Mohd. Kassim Ali, 'How hall started..' Heritage Malaysia. Hal 87.

¹² B.A.V. Peacock. 1955. A report on Museum in Malaya 1954. Kuala Lumpur: Federation Of Malaya. Hal 7.

¹³ Mohammad Faisal Bachock. 1994, hal 4.

Selangor lama dan dibuka dengan rasminya untuk dilawati oleh orang ramai pada 11 Februari 1953. Muzium ini memaparkan pameran mengenai khazanah warisan negara selama 8 tahun.

Memandangkan bangunan sementara ini cuma berkeupayaan untuk memperagakan bahan-bahan koleksi muzium secara kecil-kecilan sahaja maka Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, selaku Perdana Menteri Pertama Malaya waktu itu, pada tanggal 10 September 1958 mengesyorkan agar sebuah bangunan baru perlu dibina untuk menggantikan bangunan sementara muzium. Arahan tersebut secara tidak langsung telah menyambung kembali perancangan pembangunan bangunan muzium yang tertangguh akibat darurat dahulu. Berikutan penubuhan muzium tersebut telah memberangsangkan muzium-muzium lain berkembang sejajar dengan arus kemadunan.

Pembangunan muzium dan aktiviti pemuziuman dalam negara berkembang dengan baik. Hal ini disebabkan adanya sokongan yang diberikan oleh kerajaan persukutuan dan kerajaan-kerajaan negeri. Sebagai buktinya, kepelbagaian muzium wujud di setiap negeri, malah ada negeri yang memiliki lebih dari sebuah muzium, di samping itu terdapat muzium di daerah-daerah dalam negeri berkenaan. Kepekaan dan keprihatinan kerajaan terhadap pembangunan muzium begitu ketara apabila ada pihak yang menyedari betapa pentingnya warisan dan khazanah budaya serta sejarah dalam konteks pembangunan nasional seperti dalam pendidikan, di samping sumbangannya pada industri pelancongan. Sumbangan dan peranan yang semakin besar ini haruslah diuruskan dengan lebih tersusun di bawah satu institusi. Institusi Muzium merupakan sebuah institusi yang besar dan pengelolaannya adalah berstruktur dan tersusun. Di bawah Jabatan Muzium Malaysia (JMM) muzium-muzium diuruskan dengan lebih konsisten dan dinamakan muzium persekutuan. JMM ialah sebuah badan pengurusan aktiviti muzium berada di bawah portfolio Kementerian Perpaduan Negara.

Sejarah Jabatan Muzium Malaysia berkembang sejajar dengan perkembangan muzium di Malaysia. Sebelum ini Jabatan Muzium Malaysia digelar Jabatan Muzium dan Antikuiti. Penggunaan nama Jabatan Muzium dan Antikuiti (JMA)¹⁴ secara rasminya telah diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam pada 11 Mac 1993. Sebelum ini JMA berada dalam kawasan Muzium Negara Kuala Lumpur.

Sebelum JMM ditubuhkan, Muzium Negara (MN) merupakan organisasi besar yang memainkan peranan yang sama dengan JMM sekarang (Rujuk Jadual 1). Sebelum ini, muzium yang ada di setiap negeri dipanggil Muzium Negara (MN) misalnya MN Taiping, MN Kedah dan lain-lain (Zuraidah 2012). Namun, pada tahun 1992 JMA ditubuhkan sejajar dengan MN Kuala Lumpur yang tidak dapat menampung lagi pengurusan yang semakin banyak. Selepas kewujudan JMA, MN Kuala Lumpur terus diletakkan di bawah JMA dan fungsi MN lebih memfokuskan kepada pengurusan pameran dan galeri (Zuraidah dan Aimi Khairunnisa 2023). Ibu pejabat JMA berpindah dari Muzium Negara pada tahun 1996 (Joseph. Paunis Guntavid, Adi Taha, D'zulhaimi 2001). Dalam tempoh perasmian JMA, bangunan tambahan yang terletak di sebelah Muzium Negara telah siap pembinaannya. Bangunan tersebutlah yang menempatkan JMM kini. Setelah pertukaran atau perpindahan organisasi JMA ke bangunan yang sendiri struktur Jabatan Muzium dan Antikuiti telah dirombak bagi memenuhi pertambahan bidang tugas dan keperluan baru yang lebih luas (Zuraidah 2014). Kedudukan Muzium Negara turut mengalami perubahan dan bergerak dalam organisasinya sendiri sahaja tanpa melibatkan JMA lagi.

Selepas proses perpindahan JMA dari MN, berlaku perubahan pengkhususan fungsi MN yang memfokuskan kepada aspek pameran dan pendidikan (Zuraidah & Samad 2015). Unit etnologi yang ditubuhkan sejak awal penubuhan MN dan bertanggungjawab terhadap penyelidikan dan koleksi warisan kebudayaan tidak lagi terletak di Muzium Negara tetapi diletakkan sebagai Unit

¹⁴ Nama jabatan ini telah bertukar ke Jabatan Muzium Malaysia manakala Jabatan Antikuiti telah berpisah dari jabatan ini dan membentuk jabatan sendiri iaitu Jabatan Warisan Negara pada tahun 2006.

Etnologi Bahagian penyelidikan, JMA. Sebelum perpindahan JMA ke bangunan asalnya, JMA dan MN bergerak seiring. Boleh dikatakan organisasi JMA adalah organisasi Muzium Negara. Namun, menurut Datuk Kamarul Baharin bin A.Kasim Ketua Pengarah JMM kini, JMA adalah dua organisasi yang berbeza. Kekeliruan ini timbul adalah berpunca dari Muzium Negara yang wujud terlebih dahulu sebelum JMA dan organisasi JMA berada dalam bangunan Muzium Negara (zuraidah & Ab Samad 2010). Jadual di bawah menunjukkan perubahan pentadbiran Muzium Negara ke JMA dan pertukaran nama ke JMM.

Jadual 1 Muzium Negara di bawah Pengurusan Jabatan

Bil.	Tahun	Jabatan
1.	1963	Muzium Negara
2.	1974	Jabatan Muzium
3.	1992	Jabatan Muzium dan Antikuiti (JMA)
4.	2006	Jabatan Muzium Malaysia (JMM)

Sumber: Muzium Negara

JMM diletakkan di bawah portfolio Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan. Namun pada tahun 1978 berlaku perpindahan seketika dari kementerian itu ke Kementerian Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar. Selepas itu pada tahun 1987 kembali di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan yang kemudian bertukar kepada Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan (KPKKW). Walau bagaimanapun pada tahun 2006 iaitu pada 1 Mac, setelah perwujudan Akta Warisan Kebangsaan 2005, JMA telah ditukar kepada JMM dan bahagian antikuiti telah bertukar menjadi Jabatan Warisan Negara (JWN). Kini JMM diletakkan di bawah Kementerian perpaduan Negara (2023). Jadual 2 menunjukkan singkatan kronologi sejarah JMM. Selain MN, muzium-muzium yang berada di bawah JMM ialah:

1. Muzium Automobil Nasional
2. Muzium Perak
3. Muzium Arkeologi Lembah Bujang
4. Muzium Kota Kayang
5. Muzium Sejarah Labuan
6. Muzium Marin Labuan
7. Muzium Labuan
8. Muzium Adat
9. Galeria perdana
10. Muzium Sungai Lembing
11. Muzium Seni bina Malaysia
12. Muzium Etnologi Dunia Melayu
13. Muzium Lukut
14. Muzium Matang
15. Muzium Chimney
16. Kompleks Kota Kuala Kedah
17. Muzium Seni Kraf Orang Asli
18. Muzium Kota Johor Lama
19. Muzium Tekstil Negara
20. Muzium Diraja

Jadual 2 Ringkasan Sejarah JMM

Bil.	Tarikh	Peristiwa
1.	1883	Aktiviti muzium bermula dengan penubuhan Muzium Perak di Taiping
2.	1888	Penubuhan Muzium Sarawak di Kuching oleh Sir Charles Brooke II
3.	1906	Penubuhan Muzium Selangor
4.	1910	Pengurusan Muzium Selangor & Muzium Perak disatukan di bawah Jabatan Muzium Negeri-Negeri Melayu Bersekutu
5.	10 Mac 1945	Kemusnahan sebahagian bangunan Muzium Selangor akibat daripada terkena bom Tentera Udara Berikat
6.	16 September 1958	Pelantikan arkitek untuk mereka bentuk bangunan khas di atas tapak bekas bangunan Muzium Selangor
7.	2 Januari 1962	Syarikat Yew Lee dilantik untuk mula membina bangunan Muzium Negara atas tapak bekas Muzium Selangor
8.	31 Ogos 1963	Perasmian pembukaan Muzium oleh DYMM YDP Agong ke-III, Tuanku Syed Putra Al-Haj ibni Almarhum Syed Hassan Jamalullail
9.	1978	Jabatan Muzium dipindahkan seketika dari Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan kepada Kementerian Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar
10.	1987	Jabatan Muzium dipindahkan kepada Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan yang kemudiannya ditukar nama kepada Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan dan pada 1992 nama kementerian ini ditukar sekali lagi kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia
11.	11 Mac 1993	Penubuhan Jabatan Muzium dan Antikuiti secara rasmi
12.	1 Mac 2006	Jabatan Muzium dan Antikuiti telah ditukarkan kepada Jabatan Muzium Malaysia

Sumber: Jabatan Muzium Malaysia

KESIMPULAN

JMM yang banyak bertindak dan memegang kuasa dan polisi bagi melancarkan peranan yang dimainkan oleh MN, Bagi melancarkan sesuatu peranan, pengurusan yang teliti dari peringkat tertinggi adalah penting terutama dalam perancangan misi, tujuan, matlamat dan strategi. Pengurusan yang sistematik menjamin kelancaran sesebuah matlamat. Manakala perancangan dan pengurusan di peringkat MN juga penting dalam memastikan matlamat yang dirancang dapat diuruskan dengan baik. Program-program yang dirancang haruslah menepati piawaian dan kehendak pengunjung yang semakin pelbagai walaupun terhad kepada peruntukan yang telah diberikan oleh kerajaan.

RUJUKAN

- Ab. Samad Kechot, Zuraidah Hassan, Yusmilayati Yunus. 2010.. Proses Pendidikan Muzium: Satu Kajian Awal . Jurnal Melayu. 5:285-293.
- Anwar Din. 2008. Asas kebudayaan dan kesenian Melayu. Bangi: UKM.
- Azhar Mad Aros. 2001. Tamadun Islam dan tamadun Asia(titas) kertas 2. Shah Alam: Fajar Bakti.
- Ahmad Amran. (2002). Pengurusan. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Bengkel Pengurusan Kesusasteraan di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur pada 28 Disember.
- Azman Che Omar. (2003). Pengurusan di Malaysia dari perspektif Islam. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Jaafar Muhamad. (1999). Asas pengurusan. Shah Alam: Fajar Bakti.
- Juhary Haji Ali dan Ishak Ismail. (2004). Prinsip dan amalan pengurusan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Mokhtar Abu Hassan.2022. Sejarah, Definisi, Konsep dan Prinsip Pendekatan Pengurusan. *Pendeta*, 13(1), 1-10.
- Md. Redzuan. 2001. Mad. Redzuan Tumin. 2001. Penubuhan Muzium idealisme dan realiti. Kertas perbentangan. Forum Kurator. Anjuran Jabatan Muzium Antikuiti. Kuala Lumpur.
- Mustapa Kamal Che Ali. 1979. Perkembangan sejarah muzium Negara serta perkembangannya selepas merdeka. Latihan ilmiah, Jabatan sejarah, Universiti Malaya.
- Mohamed Faisal Bachock.1997. Garis panduan penyediaan balai dan galeri pameran. Kuala Lumpur: Jabatan Muzium Malaysia.
- Zuraidah Hassan. 2012. Muzium Negara: Kajian Mengenai Peranannya Dalam Pendidikan Warisan. Tesis Sarjana, Bangi. UKM.
- Zuraidah Hassan, Ab. Samad Kechot. 2015. Pengelolaan dan pengurusan Muzium Negara: Sejarah dan struktur Jurnal arkeologi. Hal: 85-101. ATMA, UKM. Bil 28.
- Zuraidah Hassan. Peranan Jabatan Muzium Malaysia Dalam Pendidikan. Kolokium Internasional Pascasiswazah IAIN – ATMA. 24 hingga 25 Jun 2014. Sudut Wacana ATMA, UKM. Bangi. Malaysia.
- Zuraidah Hassan dan Aimi Khairunnisa Abdul Karim. 2023. Metod Pendidikan Muzium (Melihat, Pandang Dan Sentuh) Memberi Kesan Yang Memberangsangkan Kepada Pelajar dalam Proses Pembelajaran Sama Ada Pendidikan Formal dan Bukan Formal. Volume 20, No 2. Special Theme.